

MCA kini harus tumpu usaha kukuhkan parti

UM 26 JUN 2001

KUALA LUMPUR 25 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu MCA menumpukan usaha memperkukuhkan parti itu setelah pertikaian mengenai pembelian Nanyang Press Holdings Bhd. diselesaikan dalam mesyuarat agung luar biasanya, semalam.

Perdana Menteri berpendapat semua pihak perlu menghormati keputusan majoriti ahli yang menyokong langkah pembelian oleh syarikat pelaburan parti itu, Huaren Holdings Sdn. Bhd.

“Sama ada majoriti itu kecil atau besar, yang jelas ialah pembelian itu diluluskan.

“Saya berharap ia tidak lagi menjadi punca perpecahan dalam politik MCA kerana isu itu telah selesai dan mereka kini perlu memperteguhkan kembali parti,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Al-Baraka Ke-20 Mengenai Ekonomi Islam di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta menengulas keputusan mesyuarat berkenaan meluluskan usul pembelian Nanyang yang menerbitkan akhbar harian *Nanyang Siang Pau* dan *China Press*,

Sebanyak 1,176 atau 53.3 peratus daripada 2,216 anggota perwakilan yang hadir menyokong manakala 1,019 (46.2 peratus) menentang pengambilalihan itu. Terdapat 12 undi rosak manakala sembilan perwakilan tidak mengundi.

Perdana Menteri juga yakin Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik tidak akan membalas dendam terhadap ahli parti itu yang lantang menentang langkah pembelian tersebut.

Isu pembelian Nanyang menimbulkan kontroversi apabila ditenang oleh kebanyakan kumpulan Cina termasuk daripada kalangan ahli MCA sendiri.

Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, dua Naib Presiden parti, Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy serta Ketua Pemudanya, Datuk Ong Tee Keat adalah mereka yang paling lantang mengkritik langkah pembelian tersebut.

Menjawab soalan pemberita, Perdana Menteri berkata, beliau tidak menyokong tindakan mengawal media oleh satu kumpulan sebaliknya berpendapat setiap pihak perlu diberi peluang untuk membeli saham dalam akhbar.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir kurang senang kerana kebanyakan akhbar Cina sangat propembangkang sehingga seolah-olah dikuasai oleh mereka.

“Mereka ada ruangan khas untuk pembangkang dan sebarang isu yang memberi kelebihan kepada pembangkang akan dimainkan.

“Saya rasa akhbar-akhbar ini mahu melihat masyarakat Cina tidak menyokong kerajaan,” katanya.

Perkauman

Perdana Menteri turut membidas peranan yang dimainkan oleh kumpulan dan pertubuhan Cina semasa pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, mamamkan isu yang membangkitkan sentimen perkauman.

Menurutnya, kumpulan seperti Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) mendakwa mewakili suara masyarakat Cina tetapi hakikatnya menyokong DAP untuk membangkitkan tentangan terhadap kerajaan.

“Mereka tidak gembira kerana sokongan kaum Cina sangat kuat terhadap kerajaan semasa pilihan raya lepas sehingga (Lim) Kit Siang dan Karpal (Singh) buat

pertama kalinya dikalahkan di kerusi Parlimen dan negeri,” katanya.

Dr. Mahathir kesal kerana DAP dan Suqiu bersama-sama sesetengah pertubuhan Cina cuba menggambarkan seolah-olah kerajaan antiCina.

Malah katanya, mereka menengahkan isu seperti asimilasi yang sudah selesai.

“Mereka tidak mahu pun melihat murid lelaki Cina bercampur dengan murid Melayu di Sekolah Wawasan seolah-olah kanak-kanak Melayu tidak layak bercampur dengan anak-anak mereka.

“Ini merupakan tingkah laku yang buruk kerana kerajaan mahu mewujudkan satu bangsa dan kita mahu anak-anak belajar dan bermain bersama. Tidak mengapa mereka tidak ke sekolah kebangsaan asalkan sekurang-kurangnya ke Sekolah Wawasan,” katanyq.

Dr. Mahathir kesal kerana isu berkaitan masyarakat Cina digunakan untuk menakutkan kaum berkenaan mengenai asimilasi yang bukan pun menjadi matlamat kerajaan.

“Mereka menjadikan isu Sekolah Wawasan untuk menakutkan kaum Cina. Apa sahaja yang dilakukan oleh pihak kerajaan termasuk soal Nanyang dijadikan isu hak-hak istimewa kaum Cina,” katanya.

Perdana Menteri juga menasihati akhbbar tempatan dan luar negara supaya melaporkan berita yang benar.

“Jangan ada agenda tersendiri dan melaporkan berita mengikut agenda tersebut. Apabila anda mula memutarbelitkan berita dan menyusunnya mengikut agenda akhbbar, anda tidak memberi khidmat kepada pembaca,” katanya.